



15 FEB, 2023

## Harga 10 jenis sayur di Pulau Pinang catat penurunan

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

## Harga 10 jenis sayur di Pulau Pinang catat penurunan

**Bayan Baru:** Harga bekalan pelbagai jenis sayur-sayuran di Pulau Pinang mencatatkan penurunan sehingga 41 peratus selepas ia naik secara mendadak pertengahan bulan lalu.

Namun, penurunan itu hanya membabitkan 10 jenis sayuran.

Sayur yang mencatatkan penurunan adalah tomato iaitu antara 5.27 hingga 41.7 peratus bagi setiap satu kilogram (kg), kacang panjang (8.33 hingga 25 peratus), te-

rung panjang (6.67 hingga 20 peratus) dan terung bular (6.67 hingga 25 peratus).

Manakala kacang bendi merekodkan penurunan 6.25 hingga 20 peratus, kubis bunga (5.27 hingga 25 peratus), limau kasturi (6.25 hingga 21.44 peratus), kacang buncis (2.86 hingga 41.18 peratus), brokoli (6.67 hingga 20 peratus) dan lada benggala hijau (5.56 hingga 20 peratus).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang S Jegan berkata, secara keseluruhannya, terdapat 41 jenis sayur-sayuran di pasaran dan setakat kelmarin, 10 daripadanya mencatatkan penurunan.

Belialu berkata, pihaknya juga menjangka harga sayur-sayuran akan kembali normal dalam tempoh masa terdekat.

"KPDN memandang serius isu kenaikan harga barang dan makanan

dan harga barang dan makanan yang dilapor di media arus perdana serta media sosial pada ketika ini.

"Sehubungan itu, kami laksanakan penguakusaan dan pemeriksaan agresif serta berterusan bagi menangani isu kenaikan harga barang.

"Ia termasuk pelaksanaan Ops Surri 5.0 dan

Ops Menu 3.0 untuk memastikan pematuhan lebih baik terhadap perundangan yang dikuatkuasakan," katanya di Pasar Awam dan Medan Selera Bayan Baru di sini, semalam.

Terdahulu, Jegan bersama Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri, Mohd Azraie Ramli melakukan tinjauan di pasar awam berkenaan se-

lain melakukan advokasi kepada peniaga supaya memamerkan tanda harga jelas dan tidak mengelirukan pengguna.

Dalam perkembangan lain, Jegan berkata, sehingga kelmarin, pihaknya sudah mengeluarkan 36 notis pengesahan maklumat barang (NPMB) terhadap beberapa peniaga borong dan runcit di negeri ini.

Notis itu diberi susulan kenaikan harga barang termasuk sayur-sayuran seperti sawi, kacang panjang, kubis, tomato, kangkung, kacang bendi dan timun.

KPDN memandang serius isu kenaikan harga barang dan makanan



15 FEB, 2023

## Harga 10 jenis sayur di Pulau Pinang catat penurunan

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Bayan Baru: Harga bekalan pelbagai jenis sayur-sayuran di Pulau Pinang mencatatkan penurunan sehingga 41 peratus selepas ia naik secara mendadak pertengahan bulan lalu. Namun, penurunan itu hanya membabitkan 10 jenis sayur-sayuran. Sayur yang mencatatkan penurunan adalah tomato iaitu antara 5.27 hingga 41.7 peratus bagi setiap satu kilogram (kg), kacang panjang (8.33 hingga 25 peratus), terung

panjang (6.67 hingga 20 peratus) dan terung bulat (6.67 hingga 25 peratus).